

Kelulusan ambil pekerja asing dalam tempoh tiga hari

Pelan khas beri beberapa kelonggaran atasi kurang buruh 7 sektor

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Majikan kini boleh menggajikan tenaga kerja asing dari 15 negara sumber tanpa perlu melalui prasyarat kelayakan penggajian terlebih dahulu dan kelayakan kuota.

Kelulusan bagi mendapatkan pekerja asing juga akan dipendekkan dalam tempoh tiga hari berbanding kira-kira satu minggu sebelum ini.

Ia antara sebahagian Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing yang diputuskan dalam Mesyuarat Khas Pengurusan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, semalam. Pada sidang medianya, Men-

perluan sektor penggajian pekerja asing ini.

"Mesyuarat juga bersetuju pelaksanaan Akta Pekerja 1955 khususnya Seksyen 60K yang dahulunya dipinda dan diwartakan pada 1 Januari tahun ini berkaitan keperluan majikan untuk mematuhi gaji minimum, bayaran PERKESO dan sebagainya tetap terpakai.

"Tetapi komitmen kerajaan ialah majikan kena memasukkan permohonan dan dalam piagam pelanggan kita juga menyatakan kelulusan akan diberi dalam tempoh kurang daripada tiga hari.

"Boleh jadi satu hari, boleh jadi dua hari, boleh jadi tiga hari, yang kita namakan kelulusan bersyarat," katanya pada sidang media bersama dengan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Pacu pertumbuhan ekonomi

Saifuddin berkata, mesyuarat semalam sebagai susulan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 7 dan 21 Disember lalu yang bertujuan memudah cara kemasukan pekerja asing bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik, khususnya pada suku pertama tahun ini.

dipercepatkan untuk memenuhi keperluan sektor yang berkaitan," katanya.

Malaysia membenarkan majikan mengambil tenaga kerja asing dari 15 negara sumber, iaitu Indonesia, Nepal, India, Filipina, Bangladesh, Thailand, Myanmar, Kemboja, Laos, Vietnam, Pakistan, Sri Lanka, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhshtan.

Ia bagi mengisi keperluan dalam tujuh sektor iaitu perkhidmatan, perkilangan atau pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian serta pembantu rumah asing.

Saifuddin juga menjelaskan, majikan boleh membuat permohonan mendapatkan pekerja asing secara sendiri atau melalui agensi pekerja asing.

Ditanya bila pelan berkenaan akan dimulakan, beliau berkata, perincian mengenainya akan dimaklumkan secepat mungkin.

"Ia adalah aspek fasilitasi dan bukan satu penyelesaian untuk selama-lamanya berikutan keadaan yang dihadapi ketika ini bersifat luar jangka.

"Kita kata pelan ini adalah ber-



Saifuddin Nasution pada sidang media bersama V Sivakumar di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kerja asing yang dianggap mengambil peluang pekerjaan rakyat negara ini, Saifuddin berkata, kemasukan pekerja itu membabitkan senarai sektor ekonomi yang memerlukan tenaga kerja asing seperti jenis pekerjaan kotor, berbahaya dan sukar (3D) yang tidak menjadi pilihan penduduk tempatan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan tidak menggadaikan pertimbangan dalam membuat dasar berkenaan dari segi keselamatan dan kedaulatan undang-undang.

Sementara itu, Saifuddin berkata, mesyuarat sama juga membuat keputusan untuk menggerakkan siri lawatan kerja delegasi Malaysia ke negara sumber terpilih bertujuan membincangkan perihal keselamatan dan kebajikan pekerja asing di Malaysia.

Katanya, lawatan itu juga akan membawa hasrat bagi memasti-

lain disertai dan wakil Kementerian Sumber Manusia.

Isu keperluan tenaga kerja asing terus mendapat perhatian apabila pengusaha industri dan perladangan menggesa kerajaan mempercepatkan proses kemasukan bagi melonjakkan kesan positif kepada ekonomi negara, terutama selepas pandemik COVID-19.

Sehingga 31 Disember lalu, terdapat 1,459,196 pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara (PLKS) di Malaysia.

Sektor perkilangan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 538,148 orang diikuti pembinaan (315,932) dan perkhidmatan (221,621).

Jumlah itu termasuk 316,446 pekerja asing baharu yang digajikan pada tahun lalu dengan tiga warganegara tertinggi pekerja asing di Malaysia ialah Bangladesh, Indonesia dan Nepal.

Pada tahun lalu, sebanyak 1,608,794 permohonan kuota pe-